

26 JUL 1997

PM LANCAR CRFPS UNTUK MSC

KUALA LUMPUR, 26 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini melancarkan Konsep Cadangan Permohonan Tender (CRFPs) untuk Koridor Raya Multimedia.

Empat aplikasi perdana -- Kerajaan Elektronik, Kad Pelbagai Guna, Sekolah Bestari dan Teleperubatan -- dikategorikan di bawah pembangunan multimedia manakala tiga aplikasi perdana lain, iaitu pemasaran rentas sempadan, kelompok-kelompok penyelidikan dan pembangunan, web pembuatan serata dunia diletak di bawah persekitaran multimedia. -- BERNAMA

AA MA